



**KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KE-13, 2019
PERATURAN PERTANDINGAN OLAHRAGA
(LELAKI/WANITA)**

1. PERATURAN AM

- 1.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang **KESATUAN OLAHRAGA MALAYSIA (KOM)**.
- 1.2. Sekiranya berlaku kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut :-
 - 1.2.1. Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan **PERATURAN AM SUKSES 2019**.
 - 1.2.2. Sebarang perselisihan teknikal dan akan diputuskan berasaskan kepada undang-undang **KESATUAN OLAHRAGA MALAYSIA (KOM)**.
- 1.3. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Olahraga Kejohanan SUKSES 2019 adalah **muktamad**.

2. TARIKH PERTANDINGAN

- 2.1. **8hb hingga 9hb Ogos 2019**

3. TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1. **STADIUM PUSAT SUKAN UNITEN Bangi**

4. PENYERTAAN

- 4.1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pasukan daerah di Negeri Selangor. Penyertaan hendaklah dibuat melalui Majlis Sukan Daerah masing-masing.
- 4.2. Setiap pasukan hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan lelaki dan satu (1) pasukan wanita melalui Majlis Sukan Daerah masing-masing terdiri daripada:-
 - 4.2.1. Pegawai Pasukan

Pegawai Pasukan	Bilangan
Pengurus Pasukan	1
Jurulatih	4
JUMLAH	5

4.2.2. Peserta

- 4.2.2.1. Setiap peserta hanya boleh didaftar untuk menyertai tiga (3) acara perseorangan dan dua (2) acara berpasukan.
- 4.2.2.2. Setiap pasukan dibenarkan menyenaraikan hanya dua (2) orang peserta bagi acara perseorangan dan satu (1) pasukan bagi acara berpasukan.

5. HAD UMUR PESERTA

- 5.1. Umur Peserta bawah 20 Tahun (Sahaja) Tahun Lahir 1999 dan selepas

6. HAD MINIMUM PENYERTAAN

- 6.1. Setiap **acara** dalam pertandingan ini hanya akan dijalankan sekiranya terdapat sekurang-kurangnya tiga (3) penyertaan dari daerah.

7. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

- 7.1. Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan pada :

Tarikh : **4hb Ogos 2019**
Masa : **3.00 petang**
Venue : **Bilik Mesyuarat MSN Selangor
Tingkat 3,
Kompleks Belia & Kebudayaan N.Selangor
Seksyen 7, Shah Alam**

- 7.2. Pengurus-pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta dan Kad Pengenalan yang asal untuk disahkan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.
- 7.3. Pertukaran nama-nama pemain boleh dilakukan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan.
- 7.4. Senarai peserta yang disahkan semasa Taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

8. ACARA DIPERTANDINGAN

8.1. Pertandingan ini terbahagi kepada acara-acara seperti berikut:-

BIL	ACARA	LELAKI	WANITA
1.	100m	√	√
2.	200m	√	√
3.	400m	√	√
4.	800m	√	√
5.	1500m	√	√
6.	3000m Lari Berhalangan	√	√
7.	5000m	√	√
8.	10,000m	√	
9.	100m Lari Berpagar		√
10.	110m Lari Berpagar	√	
11.	400m Lari Berpagar	√	√
12.	10,000m Jalan Kaki	√	
13.	5,000m Jalan Kaki		√
14.	Lompat Tinggi	√	√
15.	Lompat Jauh	√	√
16.	Lompat Kijang	√	√
17.	Lontar Peluru	√	√
18.	Lempar Cakera	√	√
19.	Merejam Lembing	√	√
20.	4 x 100m	√	√
21.	4 x 400m	√	√

9. MELAPOR DIRI

9.1. Acara-acara Balapan

9.1.1. Peserta hendaklah melaporkan diri kepada Ketua Pegawai Bilik Panggilan 30 minit sebelum acara mereka dimulakan.

9.2. Acara-acara Padang

9.2.1. Peserta hendaklah melaporkan diri kepada Ketua Pegawai Bilik Panggilan 45 minit sebelum acara mereka dimulakan.

9.3. Jawatankuasa Pengelola akan memaklumkan sekiranya ada perubahan masa dalam jadual acara.

9.4. Hebahan tidak akan dilakukan untuk melaporkan diri. Walau bagaimanapun, masa laporkan diri akan dipamerkan di Bilik Panggilan untuk rujukan Pengurus Pasukan dan peserta.

10. ALAT-ALAT PERTANDINGAN

- 10.1. Selain acara lompat bergalah di mana seseorang atlet dibenarkan menggunakan galah sendiri, semua alat pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.
- 10.2. Semua peserta diwajibkan mengguna blok permulaan untuk acara pecut, termasuk acara 4 x 100 meter dan 4 x 400 meter.

11. NOMBOR PESERTA

- 11.1. Peserta mesti memakai nombor peserta. Nombor peserta mesti dipakai pada 'vest', di hadapan dan di belakang, kecuali bagi acara lompat bergalah dan lompat tinggi dimana peserta dibenarkan memakai hanya satu nombor samada di hadapan atau di belakang.

12. SARINGAN

- 12.1. Lima (5) Saringan
Hanya dua (2) peserta teratas dari setiap saringan dan enam (6) lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari kelima-lima saringan adalah layak memasuki peringkat Separuh Akhir.
- 12.2. Empat (4) Saringan
Hanya tiga (3) peserta teratas dari tiap-tiap saringan dan empat (4) lagi peserta yang mencatat masa terbaik dari keempat-empat saringan layak memasuki peringkat Separuh Akhir.
- 12.3. Tiga (3) Peringkat Separuh Akhir
Hanya dua (2) peserta teratas dari setiap separuh akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa yang terbaik dari ketiga-tiga Separuh Akhir adalah layak memasuki peringkat Akhir.
- 12.4. Dua (2) Peringkat Separuh Akhir
Hanya tiga (3) peserta teratas dari tiap-tiap Separuh Akhir dan dua (2) lagi peserta yang mencatatkan masa terbaik dari kedua-dua Separuh Akhir adalah layak memasuki peringkat Akhir.

13. PEMBAHAGIAN LORONG

- 13.1. Semua pembahagian lorong akan dijalankan oleh Wakil Teknikal Olahraga **berdasarkan Peraturan 166 KOM.**
- 13.2. Bagi pusingan pertama, setiap peserta akan diundi untuk menentukan lorong masing-masing.
- 13.3. Bagi pusingan berikutnya, **tiga (3) siri** undian akan dibuat seperti berikut :-
 - 13.3.1. Undian pertama adalah untuk kumpulan empat peserta atau pasukan yang membuat pencapaian **(ranking)** terbaik untuk menduduki lorong 3, 4, 5 atau 6.

- 13.3.2. Undian kedua adalah untuk atlet atau pasukan tempat **(ranking)** kelima dan keenam bagi menentukan tempat di lorong 7 atau 8.
- 13.3.3. Undian ketiga adalah untuk dua orang atlet atau dua pasukan **(ranking)** tempat terakhir bagi menentukan tempat di lorong 1 atau 2.

14. KAWASAN PERTANDINGAN

- 14.1. Hanya pegawai-pegawai yang bertugas dan peserta-peserta yang sedang bertanding dalam acara masing-masing dibenarkan dalam kawasan pertandingan.

15. BANTAHAN

- 15.1. Sebarang bantahan hendaklah, pada mulanya, dibuat oleh atlet atau wakilnya secara lisan kepada pengadil.
- 15.2. Setiap bantahan yang dikemukakan hendaklah dibuat secara bertulis oleh Pengurus Pasukan dan disertakan wang bantahan sebanyak **RM 500.00 tunai**.
- 15.3. Wang bantahan tidak akan dikembalikan samada rayuan berjaya atau tidak. Wang tersebut akan digunakan sebagai kos pentadbiran untuk proses rayuan.
- 15.4. Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah pertandingan dalam masa 30 minit selepas sesuatu perlawanan itu tamat.

16. KESELAMATAN

- 16.1. Pihak Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakkan barang-barang kepunyaan di dalam stadium atau semasa pertandingan. Walau bagaimanapun pihak Jawatankuasa Pengelola akan mengambil langkah keselamatan yang diperlukan dalam perkara ini.

17. JAWATANKUASA RAYUAN

- 17.1. Juri Rayuan akan dianggotai oleh:-

- | | | |
|------|---------------------------------------|--|
| i. | Seorang Pengerusi | - Pengerusi Jawatankuasa Kejohanan atau wakil. |
| ii. | Seorang Setiausaha | - Setiausaha Jawatankuasa Kejohanan atau wakil |
| iii. | Pengerusi Pengadil | |
| iv. | 2 orang Pengurus Pasukan berkecuali.. | |

- 17.2. Juri Rayuan akan mengadakan mesyuarat dalam masa 30 minit selepas sahaja menerima bantahan/rayuan.
- 17.3. Keputusan mesyuarat akan diumumkan oleh Pengerusi Juri Rayuan sebaik sahaja keputusan dicapai.
- 17.4. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Juri Rayuan adalah muktamad.

18. KECEDERAAN

- 18.1. Jawatankuasa Pengelola akan mengambil langkah-langkah keselamatan untuk mengelakkan sebarang kecederaan. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab terhadap kemalangan dan kecederaan atlet sebelum, semasa dan selepas Kejohanan ini.

19. HADIAH

I) KATEGORI LELAKI

BIL	ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA
1)	100m	1	1	1
2)	200m	1	1	1
3)	400m	1	1	1
4)	800m	1	1	1
5)	1500m	1	1	1
6)	3000m Lari Berhalangan	1	1	1
7)	5000m	1	1	1
8)	10,000m	1	1	1
9)	110m Lari Berpagar	1	1	1
10)	400m Lari Berpagar	1	1	1
11)	10,000m Jalan Kaki	1	1	1
12)	Lompat Tinggi	1	1	1
13)	Lompat Jauh	1	1	1
14)	Lompat Kijang	1	1	1
15)	Lontar Peluru	1	1	1
16)	Lempar Cakera	1	1	1
17)	Merejam Lembing	1	1	1
18)	4 x 100m	1 (4)	1 (4)	1 (4)
19)	4 x 400m	1 (4)	1 (4)	1 (4)
JUMLAH		19 (25)	19 (25)	19 (25)

II) KATEGORI WANITA

BIL	ACARA	EMAS	PERAK	GANGSA
1)	100m	1	1	1
2)	200m	1	1	1
3)	400m	1	1	1
4)	800m	1	1	1
5)	1500m	1	1	1
6)	3000m Lari Berhalangan	1	1	1
7)	5000m	1	1	1
8)	100m Lari Berpagar	1	1	1
9)	400m Lari Berpagar	1	1	1
10)	5,000m Jalan Kaki	1	1	1
11)	Lompat Tinggi	1	1	1
12)	Lompat Jauh	1	1	1
13)	Lompat Kijang	1	1	1
14)	Lontar Peluru	1	1	1
15)	Lempar Cakera	1	1	1
16)	Merejam Lembing	1	1	1
17)	4 x 100m	1 (4)	1 (4)	1 (4)
18)	4 x 400m	1 (4)	1 (4)	1 (4)
JUMLAH		18 (24)	18 (24)	18 (24)
JUMLAH KESELURUHAN		37 (49)	37 (49)	37 (49)

BAHAGIAN PEMBANGUNAN SUKAN MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

(Pengurusan Acara : KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) ke-13, 2019)